

PROMOSI GANJARAN KECEMERLANGAN AKADEMIK AKAUN SIMPANAN JUNIOR-I

Terma & Syarat ("T&Cs")

TEMPOH PROMOSI

1. Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") ("Bank") "Promosi Ganjaran Kecemerlangan Akademik Akaun Simpanan Junior-i" ("Promosi") bermula dari 1 Julai 2019 untuk 30 Jun 2020, kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Promosi"), kecuali dinyatakan sebaliknya.

KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu Bank yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada bagi Akaun Simpanan Junior-i ("JSA-i") ("Pemegang Akaun").
3. Untuk mengelakkan keraguan:
 - i. "Pemegang Akaun Baharu" merujuk kepada Pemegang Akaun yang membuka JSA-i dalam Tempoh Promosi.
 - ii. "Pemegang Akaun Sedia Ada" merujuk kepada Pemegang Akaun yang membuka JSA-i sebelum 1 Julai 2019.
4. Promosi ini TIDAK terbuka kepada pelanggan individu akaun simpanan junior konvensional, pelanggan bukan individu termasuk persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan organisasi tanpa untung, pemilik tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang berdaftar atau diperbadankan dalam Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan perbadanan multinasional.

GANJARAN KECEMERLANGAN AKADEMIK

5. Ganjaran kecemerlangan akademik bagi pemegang akaun adalah sah untuk pemegang akaun yang akan mengambil peperiksaan seperti yang dinyatakan di bawah dalam Tempoh Promosi:
 - i. Ganjaran kecemerlangan akademik akan diberikan kepada pelajar sekolah swasta dan kerajaan yang mencapai kesemua A bagi peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM ("Peperiksaan Awam").
 - ii. Insentif tunai bagi ganjaran kecemerlangan akademik adalah seperti berikut:

UPSR	PT3	SPM
RM100	RM250	RM350

- iii. Insentif ganjaran kecemerlangan akademik hendaklah dikemukakan kepada Bank melalui permohonan di cawangan-cawangan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengumuman keputusan peperiksaan awam yang diambil oleh pemegang akaun. Walaubagaimana pun ganjaran tersebut akan dikreditkan kedalam akaun pemohon JSA-i secara siapa cepat dia dapat; tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM50,000 dalam tempoh promosi.
- iv. Keputusan yang diperolehi bagi Peperiksaan Awam masing-masing yang diduduki oleh pemegang akaun mestilah A dalam semua mata pelajaran dalam sijil tunggal tanpa mengira bilangan mata pelajaran yang diambil. Satu salinan sah slip keputusan peperiksaan oleh pihak sekolah masing-masing hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan kad pengenalan pemegang akaun dan borang permohonan kepada Bank.
- v. Untuk melayakkan diri bagi ganjaran kecemerlangan akademik, baki purata minimum RM1,000.00 mesti telah dikekalkan dalam JSA-i sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** sebelum tarikh permohonan.
- vi. Hanya satu (1) ganjaran akan diberikan kepada setiap pemegang akaun bagi setiap Peperiksaan Awam tanpa mengira bilangan JSA-i yang ada di lain-lain cawangan bank.

AM

6. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun bersetuju:
 - i. untuk terikat dengan T&Cs ini;
 - ii. bahawa keputusan Bank ke atas semua perkara berkaitan dengan promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua pemegang akaun dan tiada surat-menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank akan dilayan;
 - iii. untuk melayari laman sesawang Bank di www.hlisb.com.my ("laman web HLISB") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&Cs.
 - iv. bertanggungjawab dan akan menanggung secara peribadi keatas semua cukai yang berkenaan, fi kerajaan atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam promosi.
7. Bank berhak untuk:
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda kandungan T&Cs ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini menurut budi bicara mutlak pihak Bank dengan notis awal dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalender dengan cara menyiarkannya dalam laman web HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang difikir sesuai oleh HLISB;
 - (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun menurut budi bicara tunggal dan mutlak daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:
 - (i) Jika Pemegang Akaun telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLISB; atau
 - (ii) Jika Pemegang Akaun telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
8. T&Cs di dalam ini, Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), maka T&Cs di dalam ini hendaklah diutamakan bagi percanggahan tersebut..
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&Cs di sini berbanding dalam pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Promosi ini, maka T&Cs muktamad dalam laman sesawang HLISB pada tarikh terkini hendaklah diutamakan.
10. T&Cs adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.